

BABY

Bab V

Kesimpulan

1. Kesimpulan

- 1/ Adat adalah peraturan yang diamalkan turun temurun (sejak dahulu kala) di dalam sesuatu masyarakat sehingga merupakan hukum yang harus dipatuhi. Kadangkala juga perkataan adat membawa makna kebiasaan iaitu yang sudah lumrah diterima oleh setiap individu di dalam sesebuah masyarakat. Adat di dalam kehidupan sesebuah masyarakat adalah suatu amalan yang dapat mengikat setiap individu di dalam kelompok itu. Adat lebih tepat dikatakan sebagai budaya perlakuan atau tatacara di dalam kehidupan. Begitu juga dengan adat yang diwarisi oleh kelompok masyarakat keturunan Jawa di Malaysia yang lebih mendekati kepada budaya perlakuan atau tatacara (upacara) yang dapat dirasa, dilihat dan dihayati seperti adat meminang, adat perkahwinan, adat kenduri-kendara serta upacara yang berkaitan dalam kelahiran dan kematian yang lebih menjurus kepada konsep slametan dan adat-adat lain yang dianggap wajar.

- 2/ Kebudayaan asli Jawa telah lama wujud sejak zaman pra-sejarah lagi iaitu dengan kedatangan bangsa Hindu di Jawa. Maka dalam adat istiadat Jawa juga tidak terlepas daripada dipengaruhi oleh unsur-unsur asli Jawa, Hindu dan Islam. Dalam menelusuri nilai adat-istiadat Jawa ini, terungkap nilai-nilai yang paling mendalam orang Jawa iaitu nilai kebersamaan, keakraban dan kerukunan sekaligus meletakkan individu adalah sama darjatnya

antara satu sama lain kecuali golongan yang memiliki kedudukan yang lebih tinggi dalam masyarakat seperti pernyataan yang dibuat oleh Marbangun Hardjowiromo yang mengatakan;¹

.... "orang Jawa 'umumnya mengutamakan kebahagiaan dan keselarasan, kurang menyukai ketergesaan dalam hidup"

- 3/ Kedatangan orang Jawa ke Tanah Melayu adalah berkait-rapat dengan perkembangan Tanah Melayu di bawah pemerintahan British yang menggalakkan kedatangan buruh luar ke Tanah Melayu disamping faktor dalam Pulau Jawa sendiri yang mengalami masalah kepadatan penduduk yang padat dan tidak tenteram. Daripada kajian mengenai beberapa aspek kehidupan penghijrah Jawa ke Tanah Melayu, jelas dilihat mereka masih cuba meneruskan cara hidup yang biasa diamalkan di Jawa tetapi dalam bentuk yang telah diubahsuai mengikut keadaan kehidupan masyarakat setempat. Kesemua aspek kehidupan yang diteruskan oleh mereka itu mempunyai unsur perpaduan dan perhubungan yang erat di kalangan orang Jawa dan masyarakat tempatan.
- 4/. Daripada penelitian yang dijalankan oleh penulis ke atas masyarakat yang dikaji, mereka masih cuba mengekalkan tatacara yang diwarisi daripada nenek moyang mereka tetapi di dalam bentuk yang sedikit berbeza kerana pembauran yang sudah sebat dengan masyarakat setempat. Kesemua aspek kehidupan yang diteruskan oleh mereka itu mempunyai unsur perpaduan dan perhubungan yang erat di kalangan mereka di mana memperlihatkan saluran integrasi di kalangan mereka sendiri dalam organisasi sosial secara bergotong-royong, slametan dan kegiatan

¹ Marbangun Hardjowiromo, *op. cit*, h. 7.

kesenian. Hasil kajian penulis mendapati dalam aktiviti kehidupan seharian masyarakat Jawa di Batu Pahat khususnya sering bergiat cergas dalam mengadakan gotong-royong atau rewang terutamanya ketika majlis kenduri kendara. Secara tidak langsung amalan ini dapat menerapkan nilai-nilai permuafakatan yang padu kepada warga kampung disamping dapat menonjolkan amalan murni ini kepada golongan muda. Ini kerana amalan tersebut dapat mewujudkan perasaan saling berpengertian, hubungan yang harmoni, penyatuan dan kerelaan untuk memikul tanggungjawab bersama. Malahan amalan ini juga merupakan suatu amalan yang menjadi tuntutan Islam dalam mewujudkan kelompok ummah yang bersatu-padu meskipun berbeza dari aspek latar belakang dan keturunan.

- 5/ Daripada penelitian tema adat dan upacara perkahwinan adat Jawa di Batu Pahat khususnya dapat dilihat dalam hal-hal yang berkaitan dengan adat-adat sebelum perkahwinan, adat-istiadat ketika upacara perkahwinan dan adat-adat selepasnya. Ketiga-tiga unsur tersebut cuba melihat bagaimana proses perlaksanaan dan pemantapan suatu adat dalam perkahwinan masyarakat Jawa dalam bentuk aturan yang ditetapkan dalam adat mahupun dalam upacara yang dilaksanakan.
6. Dalam adat-istiadat Jawa kuno ketika melangsungkan majlis perkahwinan terdapat berbagai-bagai adat yang berbaur Hindu tetapi hasil penelitian penulis ke atas masyarakat Jawa di Batu Pahat kini mendapati adat-adat Jawa yang mempunyai pengaruh Hindu telah ditinggalkan dan tidak

diamalkan lagi kerana mempunyai unsur-unsur yang bertentangan dengan kehendak Islam. Begitu juga dengan beberapa adat sewaktu majlis perkahwinan dijalankan seperti adat siraman, midadoreni dan upacara memijak telur semakin kurang diamalkan di kalangan masyarakat keturunan Jawa di Batu Pahat. Kebanyakan mereka telah menggunakan adat tempatan dalam mengendalikan upacara perkahwinan. Oleh itu, kadang-kadang menimbulkan kekeliruan berhubung adat yang diamalkan kerana percampuran antara adat Jawa dan adat Melayu tempatan.

- 7/ Dalam adat istiadat kelahiran masyarakat Jawa di Batu Pahat, penulis mendapati kelompok masyarakat ini hanya mengamalkan beberapa adat kelahiran tradisional Jawa yang mudah dan tidak sukar untuk dilaksanakan sementara banyak adat-adat tradisional Jawa yang rumit dan jelas bercanggah dengan Islam telah ditinggalkan terutamanya ketika mengikuti pantang larang sewaktu hamil dan selepas bersalin menurut kepercayaan adat Jawa. Sementara itu, penulis juga mendapati majoriti daripada masyarakat yang dikaji telah melaksanakan amalan-amalan yang dituntut dalam Islam ketika menyambut kelahiran bayi.

- 8/ Manakala dalam meneliti adat-istiadat kematian oleh masyarakat Jawa Batu Pahat, didapati beberapa adat tradisional Jawa masih lagi diamalkan oleh sebahagian besar responden yang dikaji. Namun adat-adat tersebut bukanlah merupakan adat-adat yang dilarang dalam Islam seperti mengadakan beberapa sedhekah dalam memperingati hari kematian simati dengan cara yang dituntut dalam Islam iaitu dengan mengadakan tahlil

atau dalam masyarakat Jawa lebih dikenali sebagai kenduri kirim arwah. Perlaksanaan amalan berkabung juga dibuat mengikut perspektif Islam dan terhindar daripada unsur-unsur yang boleh menyesatkan 'aqidah Islam.

- 9/ Sebagai kesimpulan akhir daripada kajian yang dilakukan ke atas masyarakat Jawa di Batu Pahat, penulis mendapati segala amalan dan upacara yang dilakukan oleh masyarakat yang dikaji semuanya mempunyai perkaitan dengan aspek psikologi dan sosial. Dari sudut psikologi dapat dilihat tujuan dan kepercayaan daripada sesuatu adat itu dilakukan sementara dari sudut sosialnya pula mereka sering mendambakan keharmonian dalam kehidupan. Mereka juga sering mencari keselarasan diantara manusia dengan manusia dan manusia dengan alam. Kesemuanya adalah berkait rapat dengan nilai Jawa yang masih diamalkan di kalangan masyarakat yang dikaji dengan tujuan mencari keharmonian diantara anggota masyarakat disamping mengharapkan keredhaan Allah S.W.T.

2. Saranan

- 1/ Dalam usaha memartabatkan adat dan kebudayaan yang berteraskan identiti masyarakat Jawa yang sebenar, adalah perlu dipupuk serta diamalkan segala peninggalan warisan nenek moyang agar pewarisan adat istiadat Jawa dari generasi ke generasi berikutnya akan ada kesinambungan dengan cara penyusunan dan penataan kembali secara sistematis, kronologis dan tepat unsur-unsur dan pengaruh adat menurut kedudukan yang sebenarnya.
- 2/ Penulis berpendapat amat wajar kumpulan penggiat budaya daripada keturunan Jawa berusaha dalam memperkenalkan adat dan istiadat tradisional Jawa yang diwarisi dan sejarah pula dengan nilai adat dan istiadat Melayu Islam sebagai suatu cara untuk menunjukkan kerencaman adat dan kebudayaan masyarakat di Malaysia.
- 3/ Di dalam adat tradisional Jawa terdapat juga adat-adat yang tidak bercanggah dengan perspektif Islam. Justeru itu, amatlah merugikan sekiranya masyarakat kini semakin meminggirkan adat-adat tersebut kerana simbol adat melambangkan identiti sesuatu bangsa dan keturunan. Oleh itu, ketua masyarakat perlulah bersikap tegas dalam melaksanakan amalan-amalan adat tradisional Jawa di kalangan anggota masyarakatnya agar pewarisannya dapat dikenalkan.

- 4/ Penulis juga menyarankan agar setiap institusi pengajian tinggi awam di negara ini menawarkan kursus pengajian bahasa Jawa kepada pelajar-pelajar disamping mewajibkannya kepada pelajar yang berketurunan Jawa. Ini kerana kadangkala amat sukar untuk mengenali kejawaan seseorang dari segi luaran kerana masyarakat keturunan Jawa terutamanya generasi muda kurang menuturkan bahasa Jawa dalam percakapan mereka. Bahkan daripada pengamatan penulis juga mendapati ada di kalangan golongan muda yang agak keberatan atau merasa malu untuk bercakap dalam bahasa Jawa. Justeru itu, amatlah perlu bagi pencinta bahasa dan kebudayaan memainkan peranan dalam memastikan bahasa dan nilai-nilai adat Jawa dikenali oleh masyarakat lain dan dunia luar amnya.
- 5/ Setiap masyarakat mempunyai kelebihan adat-istiadatnya yang tersendiri. Demikian juga dengan adat-istiadat Jawa yang dianggap cukup unik dan mempunyai nilai adat yang tinggi di kalangan pencinta kebudayaan disamping keharmonian dikalangan anggota masyarakatnya yang saling hormat-menghormati diantara satu sama lain. Mereka juga mempunyai nilai pemikiran yang kreatif dalam mencorakkan kebudayaan mereka. Penulis berpendapat masyarakat lain perlu mencontohi keharmonian yang ditunjukkan oleh masyarakat Jawa yang lebih mengutamakan keselarasan hidup sesama manusia. Sikap ini perlu dicontohi oleh setiap kelompok masyarakat yang lain lebih-lebih lagi di dalam negara Malaysia yang mempunyai penduduk berbilang bangsa dan keturunan.

- 6/ Penulis juga ingin menyarankan agar mana-mana pihak yang berkenaan dapat menayangkan kisah-kisah sejarah dan asal-usul orang Jawa yang datang ke Tanah Melayu kepada orang ramai agar masyarakat umum dapat mengetahui tentangnya serta melihat adat-istiadat asli Jawa yang unik dan menarik.
- 7/ Terdapat juga dikalangan anggota masyarakat yang masih keliru untuk membezakan adat-adat yang dibolehkan dan dilarang dalam Islam. Justeru itu, penulis menyarankan agar penceramah-penceramah agama mahupun pihak-pihak yang berkaitan agar dapat menerangkan dengan lebih jelas dan meluas berhubung perkara ini agar masyarakat Islam amnya dapat membezakan antara amalan-amalan yang dituntut dalam Islam serta adat-adat yang boleh dilaksanakan menurut kacamata Islam.

3. Penutup

Setelah dibentangkan saranan-saranan maka selesailah kajian penyelidikan ini. Semoga dengan apa yang telah dibentangkan melalui bab satu hingga bab lima akan mendatangkan faedah yang berguna kepada pembaca sekalian. Harapan penulis juga agar saranan-saranan yang dikemukakan ini dapat dipraktikkan dan diambil perhatian oleh pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan pewarisan adat istiadat lama dapat dikenalkan dan diamalkan sejajar dengan kehendak Islam.

Segala yang baik datangnya dari Allah S.W.T dan apa yang kurang datangnya dari penulis sendiri yang serba dhaif dan kekurangan dalam menghasilkan penulisan disertasi ini. Semoga ianya menjadi rujukan yang bermanfaat buat bakal-bakal penyelidik yang akan datang.